

Newspaper	Berita Harian
Date	19 May 2015

# Golongan batu api diminta henti laga Najib, Tun M

BH - 19/5/2015

**Kuala Lumpur:** Perang dingin antara Datuk Seri Najib Razak dengan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan berakhir selagi ada kumpulan batu api dan oportunist.

Ketua UMNO Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee, berkata golongan berkenaan sengaja melagakan Perdana Menteri dengan bekas Perdana Menteri itu atas tujuan memecahbelahkan UMNO dan orang Melayu.

"Golongan inilah yang cuba merosakkan imej UMNO, mereka laga-lagakan kedua-dua pemimpin ini atas isu yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan.

"Saya amat bimbang ada strategi hancurkan orang Melayu

dan senjatanya ialah lagakan Tun Dr Mahathir dengan Perdana Menteri," katanya menerusi blognya di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun Najib menjawab semua tuduhan dibangkitkan Tun Dr Mahathir tetapi jawapan itu tidak akan memuaskan golongan yang sengaja mahu melihat perpecahan terus berlaku dalam UMNO.

## Mampu henti persoalan

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, berkata pendekatan Najib memperjelas 13 isu bagi menjawab tuduhan diharap mampu menghentikan persoalan mengenai perkara yang berulang kali di-

bangkitkan sebelum ini.

"Saya harap mereka yang bertanya soalan selama ini sudah puas hati. Berapa kali anda mahu Perdana Menteri menjawab soalan anda, terutama mengenai pesawat kerajaan dan kes Altantuya?"

"Perdana Menteri sudah berikan jawapan yang jelas. Jadi, kita kena henti membangkitkan isu ini," katanya.

Ditanya sama ada sesi debat antara Perdana Menteri dan Tun Dr Mahathir berhubung isu 1MDB perlu diadakan, Khairy berkata, ia tidak perlu kerana 1MDB sedang diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan semua pihak perlu menunggu hasilnya.

*Mereka laga-lagakan kedua-dua pemimpin ini atas isu yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan.*

***Saya amat bimbang ada strategi hancurkan orang Melayu dan senjatanya ialah lagakan Tun Dr Mahathir dengan Perdana Menteri"***

***Syed Ali Alhabshee,**  
Ketua UMNO Cheras*